

| | | | |
|------------|---------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | MBI tawar diskaun bayar kompaun | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Perak) | | |
| Date | 01 Jun 2017 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 37 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 294 cm ² |
| Journalist | ISMANIZA AHMAD | AdValue | RM 2,059 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,177 |



MBI tawar diskaun bayar kompaun

ISMANIZA AHMAD

IPOH – Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) menawarkan diskaun pengurangan 75 peratus untuk tawaran kompaun kesalahan trafik dan lalu lintas yang dikeluarkan di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat letak kereta) (Majlis Bandaraya Ipoh).

Datuk Bandar, Datuk Zamri Man berkata, tawaran ini bertujuan meringankan beban warga Ipoh untuk melangsaikan dan menjelaskan kesemua bayaran tertunggak selama ini.

Menurutnya, jika peluang ini tidak digunakan sebaik mungkin oleh orang kena kompaun (OKK), MBI tidak akan teragak-agak untuk memfailkan saman ke mahkamah terhadap pesalah tegar walaupun diberi diskaun pengurangan.

“Diskaun ini akan dijalankan selama dua minggu bermula 1 hingga 14 Jun 2017 dan hanya untuk kesalahan-kesalahan berkaitan tidak mempamerkan kupon atau meletakkan kenderaan di luar

petak sahaja.

“Sejak 2013 hingga 2017, jumlah kompaun yang terkumpul adalah sebanyak RM31 juta. Warga Ipoh diharapkan tidak melepaskan peluang untuk membayar kompaun pada kadar lebih rendah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas Mesyuarat Penuh Majlis bulan Mei 2017 semalam.

Dalam perkembangan lain, pokok Ipoh yang menjadi lambang bandar raya Ipoh bakal ditanam semula selepas bulan Ramadan.

Zamri berkata, pihaknya turut meminta pandangan pakar termasuk merujuk kepada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang boleh membantu memberi nasihat tentang pokok berkenaan.

“Kita juga mengkaji jangka hayat pokok itu termasuk usaha bagi meningkatkan jangka hayatnya melalui penggunaan baja atau pemakanan. Kita tidak mahu gangguan pem-

bajaan akan menyebabkan jangka hayatnya pendek,” katanya.

Sementara itu, sebanyak 15 premis makanan di bandar raya ini diberi penarafan Gred A selepas menepati syarat-syarat yang ditetapkan.

Katanya, sehingga Mei 2017, sebanyak 245 daripada 1,700 premis makanan dikenal pasti dan layak diberi penarafan Gred A.

“Sasaran kita untuk semua premis makanan mendapat Gred A, bagaimana pun jika ada premis yang mendapat Gred B dan C juga agak baik, jangan tiada gred langsung.

“Sekiranya mereka tidak menjaga kualiti premis makanan masing-masing, penarafan ini boleh ditarik balik dan sebaliknya jika dalam keadaan sempurna boleh dinaiktarafkan ke gred lebih baik,” katanya.

INFO • Diskaun pengurangan 75 peratus



Zamri (tengah) bersama sebahagian wakil premis makanan yang mendapat penarafan Gred A semalam.